



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

APAD KELUARKAN SURAT TUNJUK SEBAB, BEKU PERMOHONAN BAHARU LESEN PENGENDALI LORI TERBABIT KEMALANGAN DI PUCHONG

KUALA LUMPUR, 15 OKTOBER - Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah mengeluarkan **Surat Tunjuk Sebab (STS) bertarikh 13 Oktober 2025** kepada KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) berikutan insiden kemalangan melibatkan lori syarikat itu di Plaza Tol Batu 14, Puchong pada 10 Oktober lalu.

Sebagai langkah tegas, APAD akan membekukan semua permohonan baharu oleh KDEBWM sehingga siasatan selesai. Siasatan intensif sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian dan memastikan langkah penambahbaikan diambil.

Sekiranya didapati berlaku pelanggaran syarat lesen, tindakan penggantungan atau pembatalan lesen boleh dikenakan mengikut Seksyen 62 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].

APAD menegaskan tiada kompromi terhadap aspek keselamatan dan mengingatkan semua pengendali supaya sentiasa mematuhi syarat lesen, memastikan pemandu bertauliah dan kenderaan diselenggara dengan sebaiknya serta dilengkapi ciri keselamatan.

APAD kekal komited memastikan sistem pengangkutan awam darat yang selamat dan berdaya saing demi kesejahteraan rakyat.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)

Tarikh: 15 Oktober 2025